


P&P muzik kanak-kanak guna kaedah bertaraf dunia

48 17.7.2018 A9

KOTA KINABALU: Kaedah bertaraf dunia digunakan bagi pengajaran dan pembelajaran (P&P) perkembangan awal muzik kanak-kanak menerusi pendekatan Orff, Kodaly dan Dalcroze.

Wakil Dekan Fakulti Kemanusiaan Seni dan Warisan (FKSW) Profesor Dr Dzurizah Ibrahim berkata melalui pendekatan yang diiktiraf di peringkat antarabangsa itu, guru muzik dapat meningkatkan kemahiran praktikal semasa melakukan aktiviti ‘hands-on’ dengan alat-alat perkusi berpic dan tanpa pic.




PENYAMPAIAN replika cek berjumlah RM5,000 oleh Pengarah The Music Place Abby Lim (dua dari kanan) kepada Dzurizah (dua dari kiri).



PARA peserta bengkel yang menghadiri Early Childhood Music Level II.

“Di samping itu, guru muzik dapat meningkatkan kefahaman perkembangan muzik awal kanak-kanak melalui aktiviti pergerakan badan.

“Melalui Bengkel ‘Early Childhood Music Level II’, dapat memberi latihan kepada kaedah pengajaran dan pembelajaran melalui pendekatan Orff, Kodaly dan Dalcroze yang disampaikan oleh pensyarah Universiti Hawaii Dr Loong Chet Yeng,” jelasnya ketika merasmikan bengkel itu di sini, pagi Isnin.



DZURIZAH merasmikan Bengkel Early Childhood Music Level II.

Bengkel anjuran Unit Penyelidikan Warisan Borneo, Program Muzik, FKSW dan The Music Place itu merupakan lanjutan daripada bengkel tahap satu yang diadakan pada tahun lepas.

Seramai 36 peserta dari Sabah dan Semenanjung Malaysia serta lima peserta luar negara iaitu Macao, Korea, Guangzhou dan Brunei yang menghadiri bengkel itu bermula 16 hingga 20 Julai 2018.